



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MALAYSIA AKAN MEMENUHI SASARAN DEFISIT 2.8% UNTUK 2018

Kerajaan Pakatan Harapan baharu berkomited untuk memenuhi segala janji-janji manifesto yang mengurangkan bebanan kos sara hidup sambil meningkatkan mutu hidup rakyat.

Kerajaan telah mengumumkan yang:

- i. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan disifarkan pada 1 Jun 2018 yang kemudiannya akan digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018. Ini akan memulangkan lebih kurang RM17 bilion kepada rakyat Malaysia untuk tahun ini.
-

- ii. Harga RON95 telah distabilkan pada RM2.20 per liter dan diesel pada RM2.18 per liter. Ini akan menjimatkan rakyat Malaysia sebanyak RM3 bilion.

- iii. Sebanyak RM700 juta bantuan istimewa akan diberikan kepada penjawat awam gred 41 dan ke bawah. Pesara jawatan awam juga akan menikmati bantuan ini.

Kos untuk ketiga-tiga langkah ini akan menelan kerajaan belanja sebanyak RM20.7 billion. Ia akan meningkatkan perbelanjaan orang ramai yang akan memperbaiki sentimen pengguna dan perniagaan.

Pada masa yang sama, saya sedar peningkatan hutang kerajaan yang melebihi RM1 trillion memerlukan disiplin fiskal yang tinggi bagi memastikan perbelanjaan persekutuan sentiasa mampan.

Saya di sini ingin memuji semua pegawai Penbendaharaan yang bekerja siang malam untuk menyediakan pelbagai penyelesaian untuk rakyat Malaysia walaupun sedang berpuasa di bulan Ramadan.

1. Rasionalisasi perbelanjaan

Sebagai sebahagian daripada aktiviti menyusun semula keutamaan perbelanjaan, kerajaan akan mengkaji, menanggung dan merunding semula segala projek berkos sekurang-kurangnya RM10 bilion. Ini termasuklah:

- i. Projek-projek yang diberikan secara rundingan terus atau melalui tender terhad. Sesetengahnya boleh dibatalkan. Kontrak menaiktaraf dan memperbaiki Bangunan Sultan Abdul Samad yang bernilai RM350 juta merupakan satu contoh.
- ii. Perbelanjaan operasi kurang penting termasuk perkhidmatan professional, konsultansi, pengurusan acara, aktiviti promosi dan sesetengah perkhidmatan naiktaraf sistem ICT.
- iii. Beberapa megaprojek seperti HSR dan MRT 3.
- iv. Perbelanjaan lain seperti projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), suntikan kapital ke dalam pelbagai dana, pemindahan dana kepada pihak berkusa koridor ekonomi, dan projek yang dibiayai di bawah dana fasilitasi.

- v. Perbelanjaan lain seperti projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), suntikan kapital ke dalam pelbagai dana, pemindahan dana kepada pihak berkusa koridor ekonomi, dan projek yang dibiayai di bawah dana fasilitasi.

Di dalam jangka masa panjang, kerajaan akan dapat menjimatkan berbilion ringgit apabila projek-projek ini ditender semula ataupun dibatalkan terus.

2. Pengoptimuman pendapatan

Kerajaan akan menambahkan pendapatan dengan:

- i. Peningkatan harga minyak mentah Brent kepada USD70 setong daripada USD52 setong seperti yang ditulis di dalam dokumen Bajet 2018. Peningkatan ini akan menambah pendapatan kerajaan sebanyak RM5.4 bilion. Pendapatan tambahan lain akan diperoleh daripada cukai pendapatan korporat dan cukai petroleum daripada syarikat-syarikat minyak yang beroperasi di Malaysia.
- ii. RM5 billion dianggarkan akan didapatkan sebagai dividen daripada government-linked companies (GLCs) seperti Khazanah dan Petronas. Bank Negara Malaysia juga mampu memberikan lebih dividen kepada kerajaan.
- iii. Sebanyak RM4 bilion akan didapatkan daripada pengenalan semula SST pada bulan September. Ini merupakan satu anggaran konservatif.

Secara keseluruhan, langkah-langkah ini akan memastikan sasaran defisit 2.8% untuk tahun 2018 akan dapat dikekalkan. Secara ringkasnya:

Table 1: Mengekalkan disiplin fiskal untuk 2018

Kesan ke atas pendapatan	
Perkara	Nilai (RM bilion)
Kadar sifar untuk GST	(21.0)

Peningkatan cukai korporat kerana harga minyak	5.4
Dividend daripada GLCs dan BNM	5.0
Pendapatan SST	4.0
Pendapatan bersih	(6.6)
Kesan perbelanjaan	
Bantuan khas Hari Raya	(0.7)
Stabilisasi harga minyak	(3.0)
Rasionalisasi perbelanjaan	10.0
Perbelanjaan bersih	6.3

Kesan bersih kepada defisiti

(0.3)

Sayangi Malaysiaku!

**YB Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Putrajaya
31 Mei 2018**

† Nombor ini akan dimuktamadkan apabila bajet 2019 dibahaskan di Parlimen pada November 2018.